



No. Dasar : PNM/DS/07

Tarikh diluluskan : 1 Oktober 1999
Tambahan pada : 1 Jun 2000

DASAR HADIAH DAN PERTUKARAN

Kenyataan Dasar

Memastikan supaya perolehan pelbagai sumber perpustakaan melalui hadiah dan pertukaran dapat menyokong memperkuatkan koleksi Perpustakaan Negara Malaysia disamping menyumbang ke arah membangunkan koleksi perpustakaan tempatan melalui pengurusan edaran terbitan Jabatan dan pelbagai sumber perpustakaan lain.

DASAR HADIAH DAN PERTUKARAN

1. LATAR BELAKANG

Dasar Hadiah dan Pertukaran ini adalah bagi memenuhi tujuan penubuhan Perpustakaan Negara Malaysia sebagaimana yang diperuntukkan dalam *Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80)* dan *Akta Perpustakaan Negara (Pindaan) 1987 (Akta A667)* Bahagian II Seksyen 3 (a) dan (b) yang membawa maksud "... menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa akan datang suatu koleksi sumber-sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan"; dan "... memudahkan penggunaan di seluruh negara sumber-sumber perpustakaan yang terdapat di dalam dan di luar negara." Ia juga bertujuan menggariskan panduan ke arah pelaksanaan fungsi Perpustakaan Negara Malaysia sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bahagian II Seksyen 4(2) Akta yang sama.

2. SKOP

Dasar Hadiah dan Pertukaran merangkumi semua aktiviti berkaitan perolehan dan pemprosesan pelbagai sumber perpustakaan yang diterima oleh Perpustakaan Negara Malaysia melalui hadiah, pertukaran serta penyerahan Badan-Badan Antarabangsa untuk dijadikan Koleksi Perpustakaan. Ia juga merangkumi semua aktiviti berkaitan pengurusan edaran semua bahan terbitan Perpustakaan Negara Malaysia dan naskhah lebihan judul yang telah ada dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia kepada pelbagai institusi lain.

3. DEFINISI

3.1 *Sumber-Sumber Perpustakaan*

Dalam *Peraturan-Peraturan Perpustakaan Negara (Pindaan) 1993 (P.U.(A) 294)*, *Sumber-sumber Perpustakaan* digunakan sebagai mengganti perkataan *bahan perpustakaan*. Definisi *bahan perpustakaan* seperti yang tersebut dalam *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986* adalah seperti berikut:

"Apa-apa bentuk cetakan, grafik, audio, elektronik atau media lain, di atas atau di mana maklumat ditulis, direkod, disimpan, dipamer atau dikeluar dan dikategorikan bagi maksud Akta ini ke dalam:

- (a) bahan perpustakaan yang bercetak termasuk buku, terbitan bersiri, peta, carta dan poster;
- (b) bahan perpustakaan yang tidak bercetak termasuk filem sinematograf, mikroform, piring hitam, rakaman video dan audio dan media elektronik yang lain.

3.2 *Bahan Hadiah*

Pelbagai sumber perpustakaan yang diperolehi secara percuma dari institusi, pertubuhan atau perpustakaan dalam dan luar negara, kedutaan asing serta orang perseorangan atau yang dibeli melalui sumbangan kewangan badan korporat.

3.3 *Bahan Penyerahan*

Pelbagai sumber perpustakaan yang diperolehi dengan percuma secara automatik dari pertubuhan antarabangsa atau kerajaan negara asing di mana Perpustakaan Negara Malaysia diiktiraf sebagai Institusi Penyerahan untuk negara.

3.4 *Bahan Pertukaran*

Pelbagai sumber perpustakaan yang diperolehi dari institusi luar negara melalui program pertukaran bahan terbitan Perpustakaan Negara Malaysia atau/dan penerbitan rasmi lain kerajaan.

3.5 *Bahan Malaysiana*

Definisi *Bahan Malaysiana* seperti yang disebut dalam *Dasar Malaysiana* adalah:

"Bahan Malaysiana adalah semua sumber perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia dan/atau semua sumber perpustakaan mengenai Malaysia yang diterbitkan di luar Malaysia dan/atau yang dihasilkan oleh warganegara Malaysia tidak kira bentuk, bahasa, skrip atau tarikh dihasilkan."

3.6 **Bahan Lebihan**

- 3.6.1 Naskhah lebihan judul sumber perpustakaan yang diterima bawah *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986* dan judul yang telah ada dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia yang diterima secara percuma.
- 3.6.2 Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia yang telah diputuskan oleh pihak pengurusan untuk dihapus kira dengan menghadiahkan bahan tersebut kepada perpustakaan/pusat sumber sekolah, jabatan, institusi serta persatuan di seluruh negara.

3.7 **Terbitan Picisan**

Terbitan-terbitan yang bermutu rendah dari segi nilai budaya sastera, sejarah dan pendidikan.

4. **OBJEKTIF**

Objektif utama Dasar Hadiah dan Pertukaran adalah untuk:-

- 4.1 Membantu memperkuuhkan koleksi Perpustakaan Negara Malaysia dengan memberi keutamaan kepada bahan Malaysiana.
- 4.2 Membantu memperkayakan dan mempelbagaikan koleksi perpustakaan untuk menentukan ketersediaan suatu koleksi representatif dalam semua bidang perkara.

- 4.3 Memperolehi seberapa banyak bibliografi negara luar dan karya rujukan dalam semua bidang perkara melalui program pertukaran dengan bahan terbitan Perpustakaan Negara Malaysia.
- 4.4 Membantu perpustakaan tempatan membina koleksi perpustakaan melalui pemberian bahan lebihan yang sesuai untuk perpustakaan berkenaan.
- 4.5 Mempertingkatkan hubungan dengan orang perseorangan dan institusi negara luar ke arah memantapkan perolehan sumber perpustakaan.

5. STRATEGI

Ke arah menyokong wawasan untuk menjadikan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai perpustakaan bertaraf dunia dalam memberi maklumat yang cemerlang bagi merealisasikan Wawasan 2020 ke arah negara perindustrian yang maju, strategi berikut akan dilaksanakan:

- 5.1 Mengesan dan memperolehi secara hadiah dan pertukaran pelbagai sumber perpustakaan dari dalam dan luar negara ke arah memantapkan koleksi Perpustakaan Negara Malaysia.
- 5.2 Mengurus perolehan bahan terbitan badan antarabangsa yang dihadiahkan di mana Perpustakaan Negara Malaysia diiktiraf sebagai Institusi Penyerahan bagi negara.
- 5.3 Mengesan dan memperolehi secara hadiah bahan Malaysiana yang hendak dilupuskan atau dihadiahkan oleh institusi/perpustakaan lain untuk dijadikan koleksi Perpustakaan Negara Malaysia.
- 5.4 Mengesan serta memulakan rundingan bagi perolehan bahan Malaysiana dari koleksi peribadi yang akan dilupuskan atau dihadiahkan kepada pihak lain.

- 5.5 Menjalin hubungan kerjasama dengan institusi luar negara dan orang perseorangan.
- 5.6 Bekerjasama dengan kedutaan asing bagi mendapatkan sumbangan pelbagai sumber perpustakaan yang boleh dijadikan koleksi Perpustakaan Negara Malaysia dan juga koleksi perpustakaan/institusi tempatan.
- 5.7 Bekerjasama dengan Kementerian Luar Negeri untuk mengadakan program sumbangan pelbagai sumber perpustakaan terpilih keluaran negara kepada beberapa perpustakaan negara lain di dunia.
- 5.8 Mengesan dan mendapatkan secara hadiah pelbagai sumber perpustakaan keluaran negara bagi koleksi Pusat Sumber Malaysia di luar negara.

6. PELAN TINDAKAN

Untuk mencapai objektif dasar dan strategi yang ditetapkan, aktiviti berikut dilaksanakan:-

6.1 *Pengesanan*

- 6.1.1 Katalog penerbit bukan komersil, bibliografi negara dan senarai lebihan, senarai perolehan dan bibliografi perpustakaan institusi lain dari dalam dan luar negara.
- 6.1.2 Rakan program pertukaran dalam dan luar negara untuk dijalin kerjasama.
- 6.1.3 Koleksi peribadi atau koleksi perpustakaan institusi lain yang akan dihapus kira.

6.1.4 Orang perseorangan yang dikenal pasti mempunyai koleksi sumber perpustakaan yang penting untuk dijadikan koleksi Perpustakaan Negara Malaysia.

6.2 ***Perolehan***

Perolehan pelbagai sumber perpustakaan yang boleh dijadikan koleksi Perpustakaan Negara Malaysia berpandukan *Dasar Malaysiana*, *Dasar Perolehan/Pemilihan Monograf dan Bahan Bercetak*; *Dasar Terbitan Bersiri*; *Dasar Sumber Media*; dan dasar lain yang berkaitan.

6.3 ***Pemprosesan***

Semua sumber perpustakaan yang dijadikan koleksi Perpustakaan Negara Malaysia akan diproses mengikut standard yang ditetapkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia.

6.4 ***Edaran***

Pengurusan edaran bahan lebihan kepada perpustakaan institusi lain yang memohon bahan perpustakaan.

6.5 ***Penggunaan***

Bahan hadiah yang dijadikan koleksi akan ditempatkan untuk perkhidmatan pembaca berdasarkan format dan isi kandungan bahan melainkan bagi bahan yang telah ditetapkan penggunaannya oleh pihak yang memberi sumbangan tersebut.

6.6 *Promosi*

Usaha yang dibuat untuk menggalak individu dan badan korporat menyumbangkan pelbagai sumber perpustakaan atau peruntukan kewangan bagi perolehan sumber perpustakaan ke arah memantapkan koleksi dalam bidang perkara tertentu.

6.7 *Pengiktirafan*

Pengiktirafan diberi kepada individu/institusi/agensi yang memberi sumbangan sumber perpustakaan berdasarkan nilai sumbangan yang diterima.

7. PELAKSANAAN PROGRAM

Asas pertimbangan di dalam pelaksanaan program Hadiah, Pertukaran dan Edaran bahan lebihan perlu mengambil kira perkara berikut:-

7.1 *Hadiah*

- 7.1.1 Mengutamakan bahan Malaysiana dalam semua bahasa dan skrip.
- 7.1.2 Mengutamakan pelbagai sumber perpustakaan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris kecuali bibliografi negara asing atau karya agung sesebuah negara.
- 7.1.3 Mengutamakan pelbagai sumber perpustakaan dan maklumat yang bernilai serta karya rujukan.
- 7.1.4 Mengutamakan terbitan terkini.
- 7.1.5 Menerima untuk dijadikan koleksi pelbagai sumber perpustakaan yang disumbangkan kepada Perpustakaan Negara Malaysia bagi pihak kerajaan Malaysia oleh kedutaan/kerajaan asing dan badan lain.

7.2 *Pertukaran*

- 7.2.1 Mengutamakan bahan Malaysiana dalam semua bahasa dan skrip.
- 7.2.2 Mengutamakan pelbagai sumber perpustakaan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- 7.2.3 Mengutamakan pelbagai sumber perpustakaan dan maklumat yang bernilai serta karya rujukan sahaja.
- 7.2.4 Mengutamakan terbitan terkini.
- 7.2.5 Mengamalkan asas pertukaran secara dua hala tanpa mengambil kira keseimbangan harga atau bilangan judul naskhah. Asas pertukaran perlu setara atau menguntungkan negara serta dapat memperkuuhkan koleksi perpustakaan.

7.3 *Edaran*

- 7.3.1 Bahan lebihan diedarkan kepada perpustakaan institusi lain adalah berdasarkan ketetapan pemberian yang telah disyaratkan oleh pihak yang memberi sumbangan.
- 7.3.2 Koleksi terpilih atau koleksi khas yang boleh mempromosi bahasa, budaya dan negara.
- 7.3.3 Sumbangan bahan perpustakaan yang diterima dari kerajaan atau badan asing melalui Perpustakaan Negara Malaysia khusus untuk disumbangkan kepada perpustakaan atau institusi tempatan.

7.4 *Bahan yang tidak dijadikan koleksi*

- 7.4.1 Bahan tidak terkini kecuali bahan Malaysiana yang diperlukan.
- 7.4.2 Keadaan fizikal bahan yang tidak sempurna atau sudah rosak kecuali bahan Malaysiana yang belum ada dalam koleksi.
- 7.4.3 Bahan yang telah mencukupi bilangannya dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia.
- 7.4.4 Bahan yang tidak lengkap kecuali manuskrip Melayu dan bahan nadir Malaysiana.
- 7.4.5 Terbitan bukan Malaysiana yang diharamkan oleh Kementerian Dalam Negeri atau pihak berkuasa lain yang diiktiraf.
- 7.4.6 Bahan lain meliputi buku teks sekolah, komik dan majalah hiburan.
- 7.4.7 Bahan picisan.

8. PENGEMASKINIAN DASAR

Dasar ini perlu dikemas kini dari semasa ke semasa mengikut perubahan objektif Jabatan dan keperluan maklumat negara.

9. TARIKH KUATKUASA

Dasar ini berkuat kuasa mulai 1 Jun 2000.

Diluluskan oleh:

Shahar Banun Jaafar
.....

(SHAHAR BANUN BINTI JAAFAR)

Ketua Pengarah

Perpustakaan Negara Malaysia

Tarikh : 1 Jun 2000